

Soalan Lazim untuk Pembekal Procurehere™



Rise with P.R.I.D.E

Partnership - Respect - Integrity - Dynamism - Enthusiasm



1. Dimanakah saya boleh mendapatkan nama pengguna dan kata laluan untuk mengaktifkan akaun saya?
Pengguna baru akan menerima e-mel pengaktifan yang mengandungi nama pengguna (Login Email) dan kata laluan sementara yang dijana secara automatik oleh Procurehere™. Anda akan digesa untuk mengemaskinikan kata laluan ini pada log masuk yang pertama.
2. Saya telah menerima e-mel pengaktifan. Tetapi, apabila saya cuba memasukkan nama pengguna dan kata laluan, sistem memaklumkan terdapat kesalahan pada nama pengguna atau kata laluan yang saya gunakan. Bagaimanakah caranya untuk saya teruskan ke proses yang seterusnya?
E-mel untuk menukar kata laluan anda telah tamat tempoh. Kata laluan yang diberikan di dalam e-mel hanya sah digunakan dalam masa 24 jam dari masa e-mel dihantar.
Untuk ke proses seterusnya, sila klik pada "Forgot Password" dan masukkan e-mel log masuk anda. Sistem akan menghantar e-mel untuk menukar kata laluan. Ini membolehkan anda untuk menetapkan atau menukarkan kata laluan yang baru.
3. Bolehkah saya menukar e-mel log in dan e-mel komunikasi?
Anda hanya boleh menukar e-mel komunikasi sahaja, manakala e-mel log masuk tidak boleh diubah.
4. Bagaimanakah cara untuk saya mengetahui jika saya dijemput untuk acara yang dilancarkan oleh FGV melalui Procurehere™?
Anda akan menerima notifikasi jemputan melalui e-mel.
5. Bagaimanakah cara untuk saya membayar yuran tender dan deposit tender?
Proses pembayaran adalah seperti biasa. Pembayaran boleh dilakukan secara bank draf, pembayaran pada kaunter FGV atau melalui atas talian di ruangan ePortal. Sila rujuk arahan yang diberikan di dalam dokumen tender.
6. Bagaimanakah cara untuk saya menambah ahli dalam sistem?
Masuk ke akaun admin anda, klik "User" di menu bar. Klik turun dan pilih "User" kemudian klik pada butang "Create User". Isikan butiran ahli iaitu "Login email" dan "Temporary password" serta peranan mereka. Klik butang "Create" setelah anda selesai.

7. Bolehkah saya menambah ahli untuk membantu saya dengan penyerahan acara?
Ya, anda boleh menambah ahli dengan cara berikut. Dalam acara, sila klik pada tab “Team Member”. Klik pada anak panah “Select Team Member” dan pilih ahli yang anda mahu tambah dalam acara itu. Kemudian, anda perlu memberikan peranan kepada ahli yang telah anda pilih iaitu “Viewer” atau “Editor”.
8. Apakah peranan “Editor” dan “Viewer” dalam acara itu?
Editor - Membolehkan ahli untuk mengisi harga barangan dan memuatkan masuk dokumen-dokumen yang diperlukan.
Viewer - Boleh melihat acara sahaja tanpa hak untuk mengedit.
9. Bagaimanakah cara untuk saya memuat naik dokumen kepada FGV?
Semak bahagian “Questionnaire” untuk melihat jika ada dokumen yang perlu anda muat naik. Dalam bahagian “Message”, anda juga boleh memuat naik dokumen dan fail untuk perhatian kepada pihak FGV.
10. Bagaimanakah cara untuk saya mengemukakan “Bill of Quantity” (BQ) jika saya tidak dapat membekalkan salah satu item yang dinyatakan?
Dalam bahagian “BQ”, anda boleh memberikan kenyataan di bahagian yang disediakan dengan memaklumkan bahawa anda tidak dapat membekal salah satu item yang dinyatakan. Untuk item anda tidak dapat bekalkan, anda boleh meletakkan “0.00” pada bahagian harga.
11. Bolehkah saya menambah cukai untuk item tertentu di bahagian “BQ”?
Ya, anda boleh menambah cukai item untuk setiap item atau menambah cukai sekaligus untuk semua item dalam bahagian “BQ”.
12. Bagaimanakah cara untuk saya berkomunikasi dengan pihak FGV berhubung dengan acara tersebut?
Anda boleh menggunakan fungsi “Message” dalam acara tersebut untuk berkomunikasi dengan pihak FGV. Mesej yang dihantar hanya dapat dilihat oleh pihak FGV sahaja.
13. Bolehkah saya menyimpan salinan rumusan acara?
Ya, anda boleh menyimpan salinan rumusan acara pada “Event Summary” dalam format PDF di bahagian “Submission”.

14. Siapakah yang perlu saya hubungi jika saya mengalami sebarang masalah berkaitan sistem?
Anda boleh klik butang “Chat” dalam Procurehere™ dan berkomunikasi dengan ejen Procurehere™ .
15. Apakah yang akan berlaku jika sistem terganggu? Adakah sistem mempunyai simpanan?
Sistem kami dijamin “99% uptime”. Kami mempunyai pelan sandaran pemulihan dan pemulihan bencana.





Terima Kasih